

# KWSP melabur dalam projek pembangunan

BA 25 JUN 2003

Oleh Kadir Dikoh  
dan Salina Abdullah

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang merangka pelan bagi membolehkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melabur dananya dalam projek pembangunan prasarana tempatan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pada masa sama, langkah itu juga akan membolehkan KWSP mendapat pulangan lebih baik dalam pelaburannya.

Rercakap kepada pemberita di lobi Parlimen di ibu negara semalam, Dr Mahathir berkata, KWSP dan panel pelaburannya akan mengkaji butiran lanjut cadangan itu.

"Kerajaan tidak akan membelanjakan banyak wang terhadap projek infrastruktur termasuk pembinaan bangunan. KWSP

akan diminta membiayai syarikat yang membina bangunan ini.

"Bangunan itu kemudian akan dipajak daripada syarikat yang membinanya dan hasil pajakan itu, pembina (pemaju) boleh membayar balik kepada KWSP.

"Pembayaran itu akan membekirkan KWSP pulangan lebih tinggi daripada kadar faedah yang diperoleh melalui pelaburan dananya dalam simpanan di bank," katanya.

Terdahulu dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat, Dr Mahathir berkata kerajaan akan melaksanakan beberapa skim bagi menggunakan wang KWSP untuk pelaburan.

"Jika simpan di Bank Negara saja, faedahnya kecil. Oleh itu, kerajaan mengatur bagaimana wang KWSP dapat digunakan dalam pembangunan infrastruktur negara.

"Tetapi, keputusan (untuk melabur) ini akan dibuat KWSP sen-

diri dan jawatan kuasa pelaburannya," katanya menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong).

Beliau mengakui dana RM200 bilion milik KWSP sukar dilaburkan kerana tiada banyak tempat untuk berbuat demikian selain gangguan tertentu seperti perubahan peraturan dan kuasa melabur.

Menjawab soalan Dr Tan mengenai pengurangan kadar faedah bagi merangsang ekonomi, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak bercadang menurunkan lagi kadar itu kerana ia bukan langkah mutlak merangsang ekonomi.

"Kita tidak percaya kepada menggunakan kadar faedah semata-mata untuk menggalakkan ekonomi kerana kadar faedah kita memang rendah berbanding kebanyakan jiran.

"Kita sudah turunkan kadar ini semasa mengumumkan pakej

rangsangan ekonomi. Ini memberi galakan mencukupi kepada mereka yang ingin meminjam untuk modal dan sebagainya. Saya kira memadai setakat itu," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan Malaysia mempunyai dasar yang tidak ghairah bermain dengan kadar faedah seperti yang berlaku di Amerika Syarikat.

"Di sana, mereka adasatu cara saja. Mereka turun atau naikkan kadar faedah. Tahun ini saja sudah empat kali diturunkan tetapi kesan tiada juga.

"Di sini kita turunkan sekali tetapi sudah ada kesan kerana ia datang dengan pakej rangsangan lain," katanya.

Dalam sidang akhbar itu juga, Dr Mahathir menasihatkan orang ramai melabur sekarang kerana kebanyakan saham berada pada harga di bawah nilai sebenar berbanding aset, prestasi dan keuntungan.